

UCAPAN ALU-ALUAN
PENGERUSI JAWATANKUASA KEBANGANSAN SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-72 TAHUN
BAGI TAHUN 2018

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Alhamdulillah Rabbil `Alameen, Wassalatu Wassalamu `Ala Asyrafil
Anbiae Walmursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa`ala Aalihiee
Wasahbihee Ajma`een.

Assalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Amat Mulia,

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul
Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar,
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara

Yang Amat Mulia,

Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana
Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu
Bakar,
Grand Chamberlain

Yang Dimuliakan,

Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji
Abdul Wahab bin Haji Md Said;

Yang Mulia,

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei;

Yang Dimuliakan Pehin-Pehin dan Yang Mulia Dato-Dato;

Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap;

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kanan dan Pemangku Pegawai Daerah,
Pegawai-Pegawai Eksekutif dari sector swasta serta Pegawai-Pegawai
Kanan Kerajaan dan para hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas rahmat dan taufik-Nya mengizinkan kita hadir di Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72 tahun bagi tahun 2018 pada pagi ini.
2. Dengan penuh hormat dan takzimnya, peramba/kaola/saya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih diatas keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria serta mengucapkan terima kasih atas kehadiran Yang Dimuliakan Pehin-Pehin, Yang Mulia Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan. Sesungguhnya, keberangkatan dan kehadiran Ahli-Ahli Jawatankuasa pada pagi ini jelas mencerminkan keprihatinan mendalam serta komitmen tinggi dalam sama-sama memastikan perencanaan dan persiap-sediaan bagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mlia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72 tahun ini berjalan dengan lancar dan sempurna.
3. Dalam mesyuarat kali pertama ini, peramba/kaola/saya sukacita menyembahkan dan memaklumkan bahawa Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengornikan perkenan atas lantikan Penaung-Penaung, Penasihat serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72, iaitu;-

(a) Penaung-Penaung terdiri daripada:-

- i. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
dan;

- ii. Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul
Khairi Waddien

(b) Manakala Yang Amat Mulia, Pengiran Lela Cheteria
Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin

Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku **Penasihat Jawatankuasa**

(c) dan seramai 35 orang dilantik selaku **Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan** yang hadir pada pagi ini.

4. Pada kesempatan ini, peramba/kaola/saya sukacita menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72 diatas lantikan ini. Peramba/Kaola/Saya juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan dan bagi mewakili semua Ahli-Ahli Jawatankuasa dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia perlantikan ini.
5. Dalam hubungan ini, Peramba/Kaola/Saya penuh yakin bahawa semua Ahli-Ahli Jawatankuasa yang berkenaan di peringkat Kebangsaan, Daerah dan juga Jawatankuasa-jawatankuasa kerja akan terus berusaha membisaikan dan memastikan kemeriahan serta kesempurnaan Majlis Sambutan nanti

berjalan dengan baik, sempurna dengan tahap dan kualiti yang lebih baik lagi.

6. Alhamdulillah, pada tahun lalu, kesemua Ahli Jawatankuasa dalam Peringkat Kebangsaan dan Daerah telah dapat melaksanakan semua acara-acara yang dirancang dengan memuaskan hati. Dalam hal ini, Peramba/Kaola/Saya dengan sukacitanya menyembahkan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan dan Daerah diatas apa jua sumbangan, khidmat bakti dan komitmen tinggi yang telah ditunjukkan dalam bersama-sama mengunggayakan dan memeriahkan lagi serta menyempurnakan Majlis-Majlis dan Acara-Acara Sambutan Perayan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-71 yang lalu.

7. Kita semua memahami bahawa penglibatan semua ahli-ahli Jawatankuasa pada tahun 2017 adalah besar dan berat kerana terlibat dalam persediaan dan persiapan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta. Alhamdulillah, dengan semangat, keazaman, permufakatan dan kegigihan semua yang berkenaan, segala tugas dan tanggungjawab dalam menyempurnakan sambutan itu berjalan dengan lancar sebagai bakti taat setia kepada Raja yang dikasehi.

8. Peramba/kaola/saya percaya semangat, komitmen dan usaha gigih semua Ahli Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan dan Daerah akan terus dapat di pertingkatkan lagi pada tahun ini demi memastikan kelicinan pelaksanaan dan serta kesempurnaan Sambutan.

9. Dalam mesyuarat pada pagi ini, kita akan sama-sama membincangkan dan meneliti cadangan-cadangan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda pada tahun ini. Oleh itu, peramba/kaola/saya amat mengalu-alukan sebarang pandangan dan saranan daripada semua Ahli-Ahli bagi sama-sama memperbaiki lagi pengendalian dan pengurusan setiap acara-acara yang akan diungkayahkan termasuklah dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan persediaan-persediaan awal sebelum acara-acara kemuncak perayaan sepertimana agenda yang akan dibincangkan pada pagi ini.

10. Seterusnya, Peramba/Kaola/Saya berharap hasil daripada mesyuarat pada pagi ini, Pegawai-Pegawai Daerah selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Tadbir Tinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam di Peringkat Daerah akan dapat mengadakan mesyuarat awal bagi sama-sama memikirkan dan mengenalpasti acara-acara perayaan yang bersesuaian dan

sama-sama membuat penelitian bagi memayukan lagi cadangan konsep dan format serta aturcara Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Junjung Ziarah dan Ramah Mesra bersama Rakyat dan Penduduk di daerah-daerah yang berkenaan. Apa yang penting acara-acara Sambutan yang disusun atur pada tahun ini akan dapat menarik lebih ramai lagi penglibatan dan penyertaan semua lapisan masyarakat terutamanya golongan generasi muda.

11. Akhirnya, Peramba/Kaola/Saya sekali lagi menzahirkan harapan dan menyeru agar setiap Ahli-Ahli Jawatankuasa akan terus menerus memainkan peranan dengan penuh dedikasi serta komitmen yang tinggi sama-sama membuat persediaan awal demi memastikan kelicinan perlaksanaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-72 pada tahun ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Demikianlah alu-aluan peramba/kaola/saya pada mesyuarat pada pagi ini dan seterusnya kita berpindah ke **Agenda 3** iaitu bagi membincangkan **laporan bagi acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-71 bagi tahun 2017.**